

RINGKASAN EKSEKUTIF

KERTAS CADANGAN	:	Permohonan Peruntukan Perbelanjaan Melaksanakan Kursus Permintaan <i>Champion on PLWS</i> 2021 oleh Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia (JPPM)
TARIKH PELAKSANAAN	:	30 MAC – 2 APRIL 2021
KOS YANG TERLIBAT/ PERUNTUKAN	:	KOS: RM 9,030.00 / Operasi HASIL BERSIH: RM 8,700.00
BAHAGIAN/UNIT/WILAYAH	:	OED/MPC Wilayah Utara
IMPAK	:	Melatih lebih ramai Pegawai di Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia (JPPM) yang mahir dan pakar dalam bidang PLWS.
BAKI PERUNTUKAN YANG ADA / TANDATANGAN KETUA AKAUNTAN	:	
KOMEN / TANDATANGAN PENGURUS PCT	:	

KERTAS CADANGAN UNTUK PERTIMBANGAN
LEMBAGA PENGURUSAN MPC

**PERMOHONAN PERUNTUKAN PERBELANJAAN MELAKSANAKAN KURSUS
PERMINTAAN *CHAMPION ON PLWS 2021* OLEH JABATAN PERHUBUNGAN
PERUSAHAAN MALAYSIA (JPPM)**

1.0 TUJUAN

1.1 Kertas cadangan ini bertujuan untuk memohon pertimbangan dan kelulusan dari Lembaga Pengurusan MPC bagi permohonan peruntukan perbelanjaan melaksanakan kursus permintaan *Champion on PLWS 2021* oleh Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia (JPPM). Kursus ini akan diadakan pada 30 Mac sehingga 2 April 2021 bertempat di Permai Hotel, Kuala Terengganu.

2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Proses globalisasi bergerak ke arah mengaitkan upah dengan produktiviti dan prestasi pekerja atau syarikat. Malaysia perlu melakukan perkara yang sama dalam rangkaian bekalan global dan mengekalkan serta menarik sumber tenaga kerja yang lebih produktif. PLWS mampu meningkatkan daya saing dan menggalakkan kestabilan pekerjaan. Ianya juga membolehkan syarikat membangunkan satu pendekatan yang lebih luas dan sistematik ke arah peningkatan produktiviti atau prestasi.

2.2 Selari dengan era globalisasi dan kemajuan teknologi yang berterusan, syarikat menghadapi pusingan kitaran perniagaan yang lebih pendek dan persaingan yang lebih sengit. Untuk bertahan, syarikat perlu berupaya bertindak balas dengan pantas terhadap persekitaran perniagaan yang sentiasa berubah, termasuk membuat penyelarasan segera terhadap kos upah. PLWS boleh membantu syarikat menguruskan kos upah yang membolehkan syarikat menjadi lebih berdaya maju dan oleh itu pekerja dapat menikmati jaminan keselamatan pekerjaan yang lebih tinggi.

3.0 JUSTIFIKASI/FAEDAH-FAEDAH

3.1 Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia (JPPM) telah memberikan kepercayaan kepada MPC Wilayah Utara untuk dilantik sebagai pembekal latihan dan tenaga pengajar bagi kursus Champion on PLWS 2021. Penganjuran kursus ini adalah lanjutan daripada pelaksanaan Kursus *Master on PLWS* pada tahun 2020.

3.2 Melalui kursus ini, JPPM akan dapat memastikan kakitangan mereka yang terdiri daripada Pengarah-Pengarah Ibu Pejabat dan Negeri serta Pegawai-pegawai Perhubungan Perusahaan Ibu Pejabat dan Negeri telah dilengkapi dengan pengetahuan yang lengkap mengenai PLWS dan boleh diiktiraf sebagai Champion dalam PLWS.

4.0 ANGGARAN KOS

4.1 Butiran Yuran dan Perbelanjaan Kursus adalah seperti berikut:

No.	Item	Kos (RM)	Tempoh/Unit	Jumlah (RM)
	<u>Pendapatan</u>			
1	Yuran Kursus	4,500.00	2 hari	9,000.00
2	Bayaran Bahan Promosi & Penceramah	-	-	8,730.00
	Jumlah Pendapatan			17,730.00
	<u>Perbelanjaan</u>			
1	Kit Peserta	250.00	24 pax	6,000.00
2	Plaque (No. 1 – 5)	50.00	5 buah	250.00
3	Hamper	200.00	5 kumpulan	1,000.00
4	Honorarium (3 fasilitator)	90.00	4 hrs X 3 pax	1,080.00
5	Honorarium Sejam (Penceramah)	350.00	2 pax	700.00
	Jumlah Perbelanjaan			9,030.00
	Jangkaan Hasil Bersih			8,700.00

5.0 SYOR

5.1 Lembaga Pengurusan MPC adalah dipohon bagi meluluskan permohonan perbelanjaan melaksanakan kursus permintaan Champion on PLWS 2021 oleh Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia (JPPM) dengan kos sebanyak RM9,030.00.

Disediakan oleh:



Mohd Khairil Anuar Amir Hamzah
Pengurus
MPC Wilayah Utara
Tarikh: 18 Mac 2021

Disahkan oleh:



Dr Mazrina Mohamed Ibramsah
Pengarah Wilayah
MPC Wilayah Utara
Tarikh: 18 Mac 2021

Surat Persetujuan Organisasi yang diterima pada 15 Mac 2021.



PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA (MALAYSIA PRODUCTIVITY CORPORATION)
 PEJABAT WILAYAH UTARA
 Beg Berkunci 206, Jalan Tun Hamidon Sheikh Tahir, 13200 Kepala Batas, Pulau Pinang.
 TEL : 04-575 4709 FAX : 04-575 4410
 E-mail : nro@mpc.gov.my Website : http://www.mpc.gov.my



(Badan Berkanun di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri - M31)

MPC (ISO) C8/ P6/ F.06	Semakan: 0	Tarikh: 17.11.2017	Mukasurat: 1/1
------------------------	------------	--------------------	----------------

SURAT PERSETUJUAN ORGANISASI UNTUK MELAKSANAKAN KURSUS PERMINTAAN

1. Surat persetujuan dicetak menggunakan "Letterhead MPC".
2. Diisi dalam DUA salinan dan ditandatangani serta dicop rasmi oleh kedua-dua pihak.
3. Salinan pertama untuk MPC (fail kursus) dan salinan kedua untuk organisasi berkenaan.
4. Tempoh sah laku Kertas Cadangan ini adalah tidak melebihi 60 hari dari tarikh disediakan.

1. Perjanjian ini adalah persetujuan antara:

DEPARTMENT OF INDUSTRIAL RELATIONS MALAYSIA dan
PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA (MPC) untuk menjalankan kursus
 permintaan bertajuk : CHAMPION ON PLWS 2021
 yang akan diadakan seperti berikut:

Tempat : Kuala Terengganu
 Tarikh : 30 Mac – 2 April 2021
 Masa : 9.00 pagi hingga 5.00 petang

2. Pihak organisasi tuan/puan perlu menyediakan keperluan dan peralatan pengendalian kursus yang diperlukan serta bersesuaian dengan pihak MPC.
3. Pihak tuan/puan perlu menjelaskan yuran sejumlah: RM 17,730.00
 (Ringgit Malaysia: TUJUH BELAS RIBU TUJUH RATUS TIGA PULUH SAHAJA
 dan dibayar melalui cek atas nama "PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA" atau didebitkan ke dalam akaun BIMB (07043010007450) sebelum kursus berjalan atau menyertakan Pesanan Jabatan (LO) atau Surat Akujanji Pembayaran sebagai jaminan bayaran.

Sekian, terima kasih.

Disediakan oleh : PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA (MPC)

Tandatangan : Khairil Anuar
 Nama : MOHD KHAIRIL ANUAR AMIR HAMZAH
 Jawatan : PENGURUS
 Tarikh : 1 MAC 2021



Dipersetujui menerima cadangan ini:

Tandatangan : SAADIAH BINTI SAAD
 Nama : SAADIAH BINTI SAAD
 Jawatan : Pengarah
 Tarikh : 15.3.2021

COP RASMI ORGANISASI

TRANSFORMATION • INNOVATION • PARTNERSHIP
 (Sila rujuk bilangan surat ini apabila menjawab)